

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELANJUTAN PENGECAULIAN SEWAAN KANTIN SEKOLAH
DAN PREMIS/RUANG DI SEKOLAH BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersetuju untuk melanjutkan pengecualian sewaan kantin bagi tempoh 6 bulan bermula Januari 2022 hingga Jun 2022. Di samping itu, KPM juga melanjutkan pengecualian sewaan premis/ruang (kedai buku/koperasi/kedai dobi/*vending machine*) di sekolah bawah KPM untuk tempoh 6 bulan mulai Januari 2022 hingga Jun 2022.

KPM yakin pelanjutan pengecualian sewaan ini dapat membantu meringankan beban kewangan pengusaha kantin dan penyewa premis/ruang di sekolah bawah KPM.

Bagi tahun 2020 dan 2021, Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif bantuan kepada pengusaha kantin sekolah. Antara inisiatif bantuan yang telah disalurkan adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan RM1,500.00 kepada pengusaha kantin sekolah bawah KPM pada tahun 2020;

- (ii) Pengecualian pembayaran sewaan kantin sekolah bawah KPM bagi bulan Mac 2020 hingga November 2020;
- (iii) Bantuan RM1,000.00 kepada pengusaha kantin sekolah melalui Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada tahun 2021;
- (iv) Pengecualian pembayaran sewaan kantin sekolah bawah KPM bagi Januari 2021 hingga Disember 2021; dan
- (v) Penyambungan kontrak sewaan kantin secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun bagi kontrak asal yang tamat pada tahun 2021 dan 2022.

KPM sentiasa komited untuk terus memberikan yang terbaik.

- TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
9 JANUARI 2022**